



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/05/21_29 (HQ)

MEMPERKASA PENGGUNA AGAR LEBIH BIJAK MENGURUS PENGGUNAAN TENAGA, MALAYSIA BERADA DI LALUAN BETUL DALAM PERALIHAN TENAGA PADA TAHAP 60% KESEDIAAN

- Kerajaan akan mengimbangi di antara sokongan kepada rakyat ketika krisis kos sara hidup dan keperluan masa depan lebih mampan
- Akta Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga (EECA) yang akan dibentangkan oleh NRECC tahun ini akan membolehkan Malaysia mengawal selia kecekapan dan pemuliharaan tenaga
- Penyertaan semua orang diperlukan dalam peralihan tenaga dengan pengguna biasa boleh menyumbang melalui pengurangan pembaziran tenaga

Malaysia berada di landasan yang betul ke arah tenaga bersih dan tenaga boleh baharu (TBB) dengan tenaga terkumpul berkaitan pelepasan karbon dioksida (CO₂) dijangka dikurangkan sebanyak 40% daripada 70% menjelang 2050, kata Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad.

“Menurut Indeks Peralihan Tenaga terkini oleh Forum Ekonomi Dunia, Malaysia menduduki tempat ke-39, dengan prestasi sistem pada 69% dan kesediaan peralihan pada 60%,” katanya di Seminar Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia pada Selasa (8 Mei 2023). Seminar sehari di Pusat Konvensyen Tenaga Nasional Berhad (TNB), Menara Platinum TNB di Kuala Lumpur itu dianjurkan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dengan kerjasama TNB.

Ia melibatkan lebih 200 peserta merentasi sektor swasta dan awam, masyarakat umum, kumpulan pengguna utama, pekerja, wanita dan belia. Seminar ini berfungsi sebagai platform untuk bertukar-tukar idea dan mengukuhkan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor awam dan swasta; mempamerkan komitmen berterusan Malaysia ke arah meningkatkan peka tenaga menerusi Program Literasi Tenaga Malaysia (MELP).

Menegaskan bahawa dalam usaha peralihan tenaga ini, Suruhanjaya Tenaga (ST) akan memastikan keterjaminan tenaga di Malaysia dikekalkan pada tahap paling optimum, Nik Nazmi berkata, transformasi kepada tenaga bersih ini bukan sahaja akan menyokong pengguna melalui krisis kos sara hidup tetapi juga akan membantu dalam memastikan masa depan bumi yang lebih mampan.

“Salah satu keputusan pertama kerajaan baharu ialah memulakan perubahan ke arah subsidi bersasar dalam mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT). Untuk terus melindungi pengguna domestik yang paling layak, PKS, dan sektor pertanian, pengguna lain mesti membayar pada kadar paling hampir dengan harga pasaran tenaga elektrik.”

Di tengah-tengah krisis tenaga yang semakin meruncing di peringkat global dan senario ekonomi tidak menentu serta gangguan rantai bekalan selepas wabak, Nik Nazmi berkata, ramai pengguna di seluruh dunia mengubah gaya hidup secara radikal agar kekal mendapat keperluan asas. Beliau juga memetik kaji selidik terbaru The Consumers International, yang mana lebih 80% pengguna melaraskan belanjawan mereka untuk membayar bil tenaga.

Katanya, semua pihak perlu terlibat dalam peralihan tenaga dan terdapat langkah mudah yang boleh dilakukan pengguna biasa untuk mengurangkan pembaziran tenaga. Ini termasuk menutup suis peralatan elektrik apabila tidak digunakan, menerima penyelesaian pintar seperti memanfaatkan meter pintar untuk memantau penggunaan tenaga sekali gus dapat mengenal penggunaan yang boleh dijimatkan dan memasang panel solar atas bumbung untuk menjana tenaga dan mengurangkan bil.

Menyedari bahawa dasar komprehensif dan dinamik adalah penting untuk mendorong pengguna mengurus penggunaan elektrik mereka dengan lebih baik, Nik Nazmi berkata kementeriannya bercadang untuk membentangkan Akta Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga (EECA) tahun ini. EECA akan membolehkan Malaysia mengawal selia kecekapan dan pemuliharaan tenaga. Ia juga bakal mendorong pengguna untuk menggunakan peralatan dan perkakas yang lebih cekap serta mengurus penggunaan tenaga secara berhemah, sekali gus mengurangkan pembaziran dengan produktiviti lebih baik.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din mengulangi komitmen syarikat untuk menerajui pelaksanaan peralihan tenaga dengan aspirasi pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, selaras dengan agenda negara untuk menangani perubahan iklim.

“Malaysia melihat keperluan untuk meningkatkan celik tenaga dalam kalangan rakyatnya. Pada Mac 2023, NRECC dan TNB melancarkan MELP. Dengan meningkatkan tahap peka tenaga, kita boleh mempromosikan generasi pengguna Malaysia yang memahami kepentingan tenaga, mampu memikirkan kemampuan sistem tenaga dan boleh menggunakan tenaga secara lebih berkesan dan bertanggungjawab.”

Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia 2023 bertemakan ‘Memperkasakan Pengguna Melalui Peralihan Tenaga Bersih’. Tema ini bertujuan memberi tumpuan kepada peranan pengguna dalam mendorong peralihan tenaga bersih dengan lebih pantas susulan krisis tenaga sepanjang tahun lalu telah menjebak sebahagian besar dunia ke dalam krisis kos sara hidup.

Ketua Pegawai Eksekutif ST, Dato' Ir. Ts. Abdul Razib Dawood menjadi moderator seminar itu yang membincangkan sokongan terhadap dasar yang jelas, meningkatkan kesedaran dan

pendidikan pengguna, memacu TBB, menggalakkan kerjasama dalam kalangan agensi dan pengguna, serta paling penting ialah keperluan untuk mencari keseimbangan antara tenaga berdaya harap, mampu bayar dan mampan serta kesannya terhadap kehidupan seharian rakyat Malaysia.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 21 Mei 2023, jam 11:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: media@tnb.com.my



Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad (tengah), adalah antara tetamu kehormat pada Seminar Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia: Memperkasa Pengguna Melalui Peralihan Tenaga Bersih, yang diadakan pada 8 Mei 2023 di Pusat Konvensyen TNB di Kuala Lumpur. Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim), Dato' Mohamad Razif Abd Mubin (lima kanan), Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid (enam kiri), Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (lima kiri), Presiden FOMCA, Prof. Emeritus Datuk Dr. Marimuthu Nadason (tujuh kanan), dan Ketua Pegawai Eksekutif FOMCA, Saravanan Thambirajah (enam kanan).

Tetamu kehormat lain termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Dato' Hamzah Hussin (tiga kanan), Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Dato' Ir. Ts. Abdul Razib Dawood (dua kanan), Penasihat Undang-undang FOMCA, Dato' Indrani Thuraisingham (kanan sekali), Timbalan Ketua Setiausaha FOMCA, Nur Asyikin Aminuddin (empat kiri), Ahli/Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Tenaga & Utiliti FMM, Dato' Steven Aroki (tiga kiri), Ketua Pegawai Retail TNB, Kamal Arifin A. Rahman (dua kiri), dan Ketua Pegawai Kawal Selia & Pengurusan Stakeholder TNB, Datuk Ts. Shamsul Bin Ahmad (kiri sekali).



Panel pakar industri telah berkumpul untuk sebuah forum di Pusat Konvensyen TNB di Kuala Lumpur pada Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia, 8 Mei 2023. Moderator perbincangan ini ialah Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Dato' Ir. Ts. Abdul Razib Dawood (kiri sekali) dan menampilkan barisan panelis yang hebat, termasuk Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim), Dato' Mohamad Razif Abd Mubin (dua kiri), Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Dato' Hamzah Hussin (tiga kiri), Ketua Pegawai Retail TNB, Kamal Arifin A. Rahman (tiga kanan), Ketua Pegawai Eksekutif FOMCA, Saravanan Thambirajah (dua kanan), dan Ahli/Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Tenaga & Utiliti FMM, Dato' Steven Aroki (kanan sekali).